



**P**ELBAGAI inisiatif pembangunan belia telah dilaksanakan oleh kerajaan untuk menghargai dan menyenaraikan potensi golongan belia. Dari tahun ke tahun, kerajaan melalui Kementerian Belia dan Sukan (KBS) tidak pernah gagal melaksanakan sambutan Hari Belia Negara pada 15 Mei. Kejayaan melaksanakan sambutan Hari Belia Negara ini menunjukkan bahawa kerajaan komited dan sentiasa meletakkan golongan belia sebagai aset penting negara.

Hari Belia Negara merupakan medan untuk setiap warga muda bermuhasabah dan memikirkan matlamat serta hala tuju yang ingin dicapai oleh mereka pada masa hadapan. Kerajaan sentiasa memikirkan pengisian bersepadu melalui dasar


dan program yang dijalankan untuk menterjemahkan belia negara aset terbilang. Kesenambungan dan kejayaan masa hadapan negara bergantung pada belia hari ini.

Menurut Prof. Dr. Yusof Al Qaradhwai, sarjana dan pemikir Islam yang tersohor dan disegani masa ini, "Apabila kita hendak melihat wajah negara pada masa hadapan, lihatlah generasi mudanya pada hari ini, sekiranya golongan muda pada hari ini adalah dalam kalangan yang berakhlak dan berhemah tinggi, tentunya negara kita akan datang menjadi sebuah negara yang aman makmur, tetapi jika keadaan sebaliknya, maka bersedia untuk berhadapan dengan kemungkinan buruk yang akan berlaku."

Sehubungan dengan itu, Datuk Seri Najib Tun Razak menekankan betapa pentingnya kerajaan berpegang pada beberapa aspek yang dinamakan sebagai pendekatan "6E" bagi memperkasakan golongan belia, sekali gus melahirkan golongan belia yang mampu berdiri, berwawasan, mempunyai jati diri yang jitu, serta dapat menyumbang kepada pembangunan negara pada masa hadapan. Menurutnya, pendekatan tersebut merangkumi enam aspek, iaitu pelibatan (*engagement*), pengupayaan (*empowerment*), pendidikan (*education*), keusahawanan (*entrepreneurship*), perniagaan untuk masyarakat (*social enterprise*) dan pengalaman (*experience*). Pendekatan tersebut seiring dengan hala tuju Dasar Belia Malaysia (DBM).

DBM yang dilancarkan oleh Perdana Menteri pada 15 Mei 2015 menggantikan Dasar Pembangunan Belia Negara 1997 mentakrifkan belia sebagai individu yang berumur antara 15 tahun sebelum mencapai umur 30 tahun. Dasar ini menurunkan had umur belia daripada usia 40 tahun kepada 30 tahun. Walau bagaimanapun, persediaan holistik perlu diselenggarakan terlebih dahulu sebelum kerajaan meminda dasar mahupun akta berhubung perubahan takrifan umur belia untuk dikurangkan kepada usia 30 tahun menjelang tahun 2018.

Pengupayaan generasi muda dapat dilihat menerusi peluang yang dibuka dalam pelbagai kerjaya, termasuklah



sebagai wakil rakyat pada peringkat Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN), serta anggota pentadbiran kerajaan. Oleh itu, golongan belia juga perlulah melengkapkan diri dengan pengetahuan untuk menjadi pemimpin pelapis yang bakal mengambil alih kepimpinan sedia ada bagi menerajui negara pada masa akan datang.

Kerajaan melalui KBS juga telah menggerakkan Program Parlimen Belia Malaysia sebagai platform terbaik untuk belia menyuarakan idea dan pandangan mereka. Sebanyak 133 orang belia telah dipilih dalam lingkungan umur 18 hingga 35 tahun dan dilantik menjadi Ahli Parlimen Belia Malaysia bagi tempoh 2014-2016. Mereka telah bersidang buat pertama kalinya di Dewan Rakyat pada bulan Januari 2015.

Dari aspek pendidikan pula, golongan belia diberi keutamaan kepada pembangunan bakat kerana pelibatan mereka dalam bidang keusahawanan dapat menjanakan kemakmuran kepada negara.


kemahiran teknikal. Hal ini dikatakan demikian kerana kerajaan memikirkan bahawa soal kemahiran itu penting dalam usaha melahirkan belia berpendapatan tinggi. Belia diberi kemahiran, disiplin dan semangat patriotisme. Oleh itu, apabila mereka keluar daripada PLKN, mereka mempunyai nilai pasaran yang lebih tinggi.

Dari aspek pendidikan pula, golongan belia diberi keutamaan kepada pembangunan bakat kerana pelibatan mereka dalam bidang

Selain itu, fokus juga diberikan bagi penambahbaikan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dengan peruntukan RM360 juta untuk 20 ribu orang pelatih yang melibatkan kurikulum baharu, termasuklah kemahiran berfikir secara kreatif dan

keusahawanan dapat menjanakan kemakmuran kepada negara. Sebanyak RM50 juta diberikan sebagai inisiatif untuk belia meningkatkan pembangunan dalam ekonomi dan keusahawanan. Golongan belia diseru supaya menimba pengalaman baharu untuk memperkukuh jati diri. Usaha memartabatkan golongan belia bukan sekadar retorik politik, sebaliknya kesungguhan kerajaan bagi menjayakannya telah dibuktikan menerusi pelbagai inisiatif yang dilaksanakan.

Antaranya termasuklah inisiatif bagi memperkasakan belia, komuniti dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM930 juta kepada KBS dengan menggariskan tujuh inisiatif. Inisiatif itu melibatkan latihan teknikal dan vokasional di Institut Kemahiran Belia Negara dan Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara dengan peruntukan RM280 juta. Di samping itu, sebanyak RM160 juta disediakan untuk pelbagai NGO bagi melaksanakan program berasaskan pembangunan komuniti, perpaduan, kebajikan masyarakat, kesihatan dan keselamatan. Bagi mempersiapkan atlet negara menghadapi cabaran Sukan SEA ke-29 dan sukan Para ASEAN ke-9 pada



tahun 2017 di Kuala Lumpur, sebanyak RM145 juta disediakan, selain RM75 juta diperuntukkan bagi melahirkan jaguh sukan bertaraf dunia melalui Program Podium Sukan Elit. Inisiatif tersebut juga melibatkan pembinaan dua buah kompleks di Baglan Datoh dan Kuantan dengan peruntukan sebanyak RM22 juta.

Kerajaan melalui KBS sentiasa berusaha untuk memantapkan kualiti belia Malaysia daripada pelbagai aspek. Salah satu inisiatif KBS terkini adalah melaksanakan pendekatan baharu program Rakan Muda yang berteraskan aspek pemerkasaan remaja. Melalui konsep perkembangan dan penyerlahan bakat (*showcase of talent*), remaja berkongsi pengalaman dan melaksanakan program bersama-sama remaja lain. Mereka berkongsi pengalaman, memperoleh dan meningkatkan kemahiran, serta ilmu pengetahuan akan dikongsi dan disalurkan kepada remaja lain dalam pelbagai pendekatan, termasuklah mengadakan bengkel, latihan, kursus, kerjasama, dan pendekatan lain yang bersesuaian dengan penyerlahan bakat. Pelbagai bakat dapat juga diketengahkan dan dikongsi bersama-sama dalam pelbagai bidang, termasuklah kesenian, kerohanian, kesusasteraan, sains, teknologi, alam sekitar, sukan, kecergasan, keusahawanan, pertukangan, digital, muzik, kraf tangan, kebudayaan, kulinari, akademik, tarian dan penulisan.

Potensi, kreativiti, dan bakat golongan remaja didedahkan, dibangunkan, dan dikembangkan melalui program Rakan Muda baharu agar mereka dapat menjadi modal insan negara yang berguna. Beberapa program baharu dilaksanakan, seperti Program Ikonik Rakan Muda, Penyerlahan Bakat Peringkat Akar Umbi, dan Program Mentor Rakan Muda akan mula digerakkan oleh KBS.

Pemerkasaan dan penjaan semula pendekatan baharu melalui aktiviti berfaedah dapat menarik minat golongan belia menyertai persatuan. Tanggungjawab pembangunan belia bukan terletak pada kerajaan semata-mata, tetapi dapat digerakkan

melalui kepemimpinan setempat. Aktiviti keilmuan termasuklah kursus kepimpinan kemahiran dan keusahawanan mesti ditingkatkan. Oleh itu, Majlis Perundingan Belia Nasional tidak lama dahulu meluluskan dan menyetujui 11 perkara yang perlu diberi perhatian dalam pembangunan belia nasional. Antaranya termasuklah teras pembangunan, teras ekonomi, pembangunan sosial, pembangunan sumber manusia, program Rakan Muda, sistem penyampaian, peranan media dan komunikasi, peranan pertubuhan belia, pembangunan belia tidak berpersatuan, pembangunan kepimpinan, penyelidikan dan pembangunan, politik dan integrasi nasional.

Apabila bercakap tentang belia, hal ini selalunya berkaitan rapat dengan gaya hidup mereka. Oleh itu, bermula pada tahun 2015, KBS merangka dan melaksanakan program *Fit Malaysia* secara agresif di seluruh Malaysia sebagai usaha untuk melahirkan masyarakat Malaysia yang berbudaya sukan. Pelbagai program kecergasan dilaksanakan di seluruh negara dan kemuncaknya dilaksanakan pada Hari Sukan Negara.

Bermula pada tahun 2015, Hari Sukan Negara diadakan pada setiap bulan Oktober dan diharapkan inisiatif ini dapat melahirkan lebih banyak golongan belia yang cergas, sihat dan berbudaya sukan. Hari Sukan Negara yang lalu berjaya melakar sejarah tersendiri kerana diiktiraf oleh *Malaysia Book of Records* apabila sebanyak 17 648 acara yang disertai lima juta orang rakyat berjaya dilaksanakan dalam masa sehari secara serentak di seluruh negara. Tahap pembabitkan rakyat Malaysia dalam aktiviti sukan dijangka meningkat kepada 50 peratus dalam tempoh antara dua dan tiga tahun akan datang melalui program Hari Sukan Negara. Tambahan

pula, ketika ini kadar bersukan rakyat Malaysia masih rendah, iaitu 40 peratus berbanding antara 50 hingga 60 peratus bagi negara maju yang lain.

Usaha menarik lebih banyak golongan belia menyertai aktiviti persatuan di negara ini perlu digiatkan bagi memastikan mereka tidak terjebak dengan masalah sosial. Dalam arus kemodenan dan kemajuan dunia global tanpa sempadan hari ini, banyak berlaku kebanjiran dan limpahan budaya negatif dan rosak yang melanda negara di seluruh dunia. Warga muda hari ini bukan sahaja terdedah kepada masalah penyalahgunaan dadah yang meruncing, tetapi mereka juga semakin diresapi budaya hedonisme yang keterlaluan, terjebak dalam amalan seks bebas atau berzina, ketagih rokok, judi, arak, dan bahan lucah yang cukup membimbangkan. Usaha tersebut juga memerlukan peranan semua persatuan belia di negara ini dengan

memantapkan aktiviti masing-masing supaya bersesuaian dengan golongan muda. Setiap persatuan juga perlu aktif menambah bilangan ahli, terutamanya golongan belia, kerana dengan jumlah ahli yang banyak, barulah

**Tanggungjawab pembangunan belia bukan terletak pada kerajaan semata-mata, tetapi dapat digerakkan melalui kepemimpinan setempat.**

sesuatu aktiviti berjaya dilaksanakan dan sampai kepada golongan sasaran tersebut.

Tanpa pengawasan dan pendekatan yang sistematik serta teratur, usaha membentuk pewaris negara yang cemerlang akan tersasar jauh. Dengan kata lain, usaha memperkasakan generasi belia negara memerlukan sokongan semua pihak ke arah membabitkan diri dalam aktiviti positif yang dapat membantu meningkatkan tahap kecergasan dan keupayaan kepimpinan, gaya hidup, pencungkilan bakat, potensi diri, dan kebolehan yang ada pada seseorang belia atau remaja. 